

Tangani Kes Keganasan Rumah Tangga PDRM TURUT BERFUNGSI SEBAGAI BADAN PENCEGAH & SOKONGAN MANGSA

Sementara itu, SDK turut meminta pandangan daripada pihak berkuasa berhubung masalah keganasan rumah tangga (KRT) ini. Menurut Timbalan Pengarah I, Jabatan Logistik, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dato' Zubaidah Md Ismail, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sememangnya memandang serius berkaitan isu ini apatah lagi kes keganasan rumah tangga termasuklah penderaan fizikal dan seksual kerap kali dilaporkan di media massa.

Elas Dato' Zubaidah, kebiasaannya jika mangsa keganasan rumah tangga melaporkan kejadian yang menimpa kepada pihak polis. Pihak polis secara automatik akan menjalankan siasatan ke atas pengaduan mangsa seterusnya menjelaskan hak-hak mangsa untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (pindaan 2012). Secara dasarnya, mangsa tidak perlu takut untuk melaporkan kejadian yang menimpa kerana undang-undang akan memberi perlindungan yang sewajarnya.

Di samping itu, mahkamah turut dibenarkan mengeluarkan Perintah Perlindungan Interim sementara menunggu penyiasatan atau Perintah Perlindungan dalam prosiding mahkamah dibawah Seksyen 4 dan Seksyen 5 AKRT 1994 (pindaan 2012).

"Sepanjang sesi siasatan, pemangsa (suami) tidak dibenarkan mendekati mangsa atau melakukan sebarang bentuk ugutan dan kekerasan terhadap isteri. Jika tidak, si pesalah bakal disabitkan dengan tindakan undang-undang dan boleh didenda tidak melebihi RM 4000, atau dipenjarakan selama tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya (Seksyen 8 AKRT 1994 (pindaan 2012)).

"Sebelum isteri membuat aduan kepada pihak polis, suami bakal ditahan dalam satu jangka waktu yang ditetapkan (bergantung kepada kes) untuk menjalani siasatan sebelum didakwa ke mahkamah dan seterusnya dijatuhi hukuman yang setimpal.

Dalam usaha menangani masalah ini, PDRM turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM) dalam memberi kesedaran dalam masyarakat agar nasib wanita terbela daripada terus-terusan teraniaya.

"Namun, paling mengecewakan apabila setelah melalui proses beberapa prosedur undang-undang, si isteri bertindak untuk menarik balik aduan kerana tidak sampai hati melihat sang suami dihukum," jelasnya lagi.

Tambah Dato' Zubaidah lagi, selain menerima aduan dan menyasiat berkaitan kes keganasan rumah tangga, PDRM turut meluaskan skop tugasnya kepada usaha-usaha memberi sokongan psikologi dan emosi kepada mangsa KRT. Bagi menjalankan tugas tersebut, seramai (25)



Dato' Zubaidah Md Ismail.

orang Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi telah ditempatkan Bahagian D11, Jabatan Siasatan Jenayah di seluruh negara. Mereka juga dikenali sebagai Victim Care Officer (VCO) yang akan berhubung dengan mangsa KRT untuk membuat penilaian tahap sokongan yang diperlukan. Setakat ini, lapan daripada VCO tersebut adalah Kaunselor Berdaftar.

Dalam usaha menangani masalah ini, PDRM turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM) dalam memberi kesedaran dalam masyarakat agar nasib wanita terbela daripada terus-terusan teraniaya. ED